



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتَن حَالِ الْاَهْوَالِ اِلَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

07 JAMADILAKHIR 1447H / 28 NOVEMBER 2025M

“PEMIMPIN ISLAM, SURI TELADAN RAKYAT”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾ (الأحزاب: 21)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sentiasalah kita berpesan akan kebenaran dan kebaikan walaupun kadang kala kebenaran itu pahit untuk ditelan namun itulah kunci kepada kejayaan sama ada kehidupan di dunia mahupun di akhirat yang dijanjikan. Mimbar ingin menyampaikan pesan, marilah kita bersama-sama berpaut kepada nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa jua yang dilarang-Nya. Marilah kita bersama menghayati khutbah yang bertajuk ***“Pemimpin Islam, Suri Teladan Rakyat”***.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Dalam membina sebuah negara maju yang sejahtera lagi harmoni, hubungan erat antara pemimpin dan rakyat saling berkaitan.

Kesejahteraan sebuah bangsa bermula daripada jiwa-jiwa yang saling mempercayai dan saling memimpin ke arah kebaikan. Seorang pemimpin pula, perlu berperanan memandu hati-hati manusia ke arah kebaikan dan juga ketaatan. Tanggungjawab ini bukan sekadar tugas di dunia, bahkan merupakan amanah besar yang bakal dipersembahkan di hadapan Allah Rabbul Jalil kelak. Justeru, pemimpin yang memimpin dengan hati yang bersih serta berakhlak mulia wajar menjadi suri teladan kepada rakyatnya. Allah SWT memberikan petunjuk kepada semua pemimpin agar berusaha menjadi pemimpin yang unggul dengan menghayati dan mencontohi kepemimpinan Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab, ayat 21 pada mukaddimah khutbah tadi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu, bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari akhir, dan yang banyak mengingat Allah.”

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam konsep kepimpinan Islam, setiap pemimpin, hendaklah menunjukkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang berkualiti dalam setiap langkah dan keputusan. Setiap tingkah laku kita sebagai seorang pemimpin akan menjadi penentu kepada corak dan ragam kehidupan masyarakat yang kita pimpin. Jika kepimpinan kita beriman, bertakwa dan berakhlak mulia, maka aman dan sejahteralah kehidupan masyarakat di bawah pimpinannya. Begitulah sebaliknya, jika kepimpinan kita tersasar daripada landasan Islam, maka porak-peranda dan sengsaralah

kehidupan masyarakat tersebut. Kita renungi sejenak sabda Rasulullah SAW:

...كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksudnya: “Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin.” (HR Al-Bukhari dan Muslim)

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Pemimpin yang disayangi lagi dikasihi oleh rakyatnya ialah pemimpin yang bertindak sebagai payung perpaduan serta memayungi rakyatnya dengan saksama dan penuh kasih sayang, agar ikatan persaudaraan dapat dibina dan semangat perpaduan dapat dipupuk. Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa’ ayat 58:

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu memutuskan perkara di antara manusia, hendaklah kamu berlaku adil...”

Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa perpaduan dalam kalangan masyarakat, hanya akan terzahir apabila pemimpin tersebut melaksanakan amanah dengan penuh kesaksamaan.

Pemimpin yang bertanggungjawab, adalah pemimpin yang bertindak sebagai perisai yang sentiasa hadir untuk melindungi rakyat di belakangnya dalam setiap bentuk keadaan. Tatkala rakyatnya hidup dalam kesusahan, dia hadir menghulurkan bantuan. Ketika mana rakyat

yang dipimpin, hanyut dengan hiburan dan kelalaian, maka ia hadir merubah akhlak rakyatnya serta memimpin mereka kepada jalan ketakwaan. Jika rakyatnya mula menyemarakkan api perpecahan, maka dialah yang memadam dengan air kedamaian. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْإِمَامُ جُنَّةٌ يُقَاتِلُ مِنْ وَرَائِهِ وَيُتَّقَى بِهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya pemimpin itu adalah perisai (bagi umat) yang berjuang di belakangnya dan (dengan pemimpin itu) mereka merasa terlindung.” (HR Al-Bukhari dan Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Seorang pemimpin hendaklah menanam keazaman untuk sentiasa memperbaiki dirinya dengan keperibadian yang mulia. Keutuhan jati diri dan keperibadiannya, menjadi cermin bagi rakyat di bawahnya untuk menilai kebaikan dan intipati yang harus diteladani. Kepimpinan bukan sahaja soal memimpin, tetapi juga menuntut ketaatan daripada yang dipimpin selagi arahan pemimpin itu tidak bertentangan dengan syariat Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah An-Nisa’ ayat 59 **yang bermaksud:** “Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu...”

Ayat ini menegaskan bahawa ketaatan kepada pemimpin adalah sebahagian daripada tanggungjawab seorang Muslim. Ketaatan yang dimaksudkan adalah kepimpinan yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Contohnya, dalam konteks negara kita pada hari ini, rakyat wajib mematuhi undang-undang yang digubal serta arahan pihak berkuasa yang menegakkan nilai keadilan, kesejahteraan dan kebajikan rakyatnya

seperti arahan mematuhi peraturan keselamatan jalan raya, peraturan kesihatan awam dan mengikuti polisi pendidikan dan pembangunan negara.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah pada hari yang mulia ini, bersempena dengan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah yang ke-17, marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab kita sebagai rakyat, agar turun mengundi bagi memilih pemimpin yang dapat meneruskan agenda pembangunan dan kesejahteraan sosial rakyat di negeri ini. Sehubungan itu, ingatlah pesan-pesan yang berikut:

Pertama: Pemimpin merupakan suri teladan kepada rakyatnya. Baik pemimpin itu, maka baiklah masyarakat yang dipimpinnya. Begitulah sebaliknya, andai rosaknya pemimpin itu maka rosaklah masyarakat di bawahnya.

Kedua: Jadilah pemimpin yang bertindak sebagai perisai yang melindungi, membimbing dan menegakkan keamanan rakyatnya dalam setiap keadaan.

Ketiga: Tanamkanlah keazaman untuk menjadi pemimpin yang sentiasa memperbaiki diri dan membina akhlak mulia.

Keempat: Taatlah kepada pemimpin selagimana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam kerana ketaatan kepada pemimpin merupakan bukti ketaatan kita kepada Allah SWT dan Rasul-Nya.

Akhirnya, sekali lagi khatib ingin mengingatkan kepada para pemimpin, jauhilah sifat khianat dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab,

kerana melakukan khianat itu akan membinasakan diri sendiri serta perpecahan umat. Renungkanlah firman Allah SWT di dalam surah Al-Anfaal, ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar.

Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.